

UMS terus lahirkan graduan berkualiti dan berwibawa

NST 19-10-2012 3

OLEH MARRYAN RAZAN
marrayan@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus memainkan peranan penting sebagai gedung ilmu untuk menghasilkan graduan tempatan dan antarabangsa yang berkualiti dan berwibawa.


Sehubungan itu Naib Canselornya Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berharap para pelajar yang berjaya memasuki universiti itu khususnya pelajar antarabangsa menggunakan peluang itu menimba sebanyak ilmu pengetahuan untuk mencerahkan peluang kerjaya.

“Kita mengalu-alukan kehadiran pelajar antarabangsa di UMS. Pengalaman anda belajar di Sabah dan amnya di Malaysia satu pengalaman yang amat menarik,” katanya dalam teks ucapannya sempena majlis penyampaian sijil Program Asas Pelajar Antarabangsa (ISFP) Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD), di Promenade Hotel, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shariff Abd. Kadir S. Omang Al-Hajj.

Turut hadir Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn. Bhd Datuk K.Y. Mustafa.

Bagi pelajar yang meng-



SIJIL ... Dr Shariff Abdul Kadir menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima, turut kelihatan K.Y. Mustafa.

ikuti program latihan dan kemahiran di UCPD, Mohd Harun percaya mereka akan memasuki pasaran kerja dan bagi yang sudah bekerja, mereka akan terus bekerja di tempat mereka.

“Saya berharap para pelajar terbabit akan mencontohi pelajar yang sudah mencapai kejayaan,” katanya.

Beliau turut menekankan agar lepasan UCPD terus mengaplikasikan kejayaan dalam akademik melalui tiga perkara iaitu ketabahan, dedikasi dan komitmen tinggi

dalam pekerjaan.

“Semua elemen ini akan mencerahkan lagi masa depan anda,” katanya.

Sementara itu K.Y. Mustafa berkata, dalam perkembangan dunia tanpa sempadan, pendidikan dan ilmu pengetahuan amat penting sebagai penentu kejayaan sesebuah negara.

Beliau berkata, ini kerana pengetahuan, kemahiran dan pengalaman setiap individu dapat memberikan sumbangan besar kepada pembangunan sesebuah negara.

“UCPD akan terus berusaha meningkatkan sumber bagi memastikan kita dapat menyediakan pembelajaran berkualiti tinggi dan berguna kepada para pelajar,” katanya.

Pada majlis itu seramai 189 graduan menerima sijil iaitu 166 program ISFP dan selebihnya program diploma eksekutif iaitu Diploma Eksekutif Dalam Pengurusan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Perniagaan dan Pengurusan Rangkaian Pembekal dan Logistik.